

KITAB BELAJAR TAJWID AL-QURAN AL-KARIM

Disusun semula oleh

Abu Faiz Al-Anwar

<http://nurkahfi-info.blogspot.com/>

<http://abufaiz70.wordpress.com/>

KITAB HUKUM TAJWID BACAAN AL-QURAN

BAB 1 : JENIS-JENIS WAQAF

Waqaf (وقف).

Dari sudut bahasa: Berhenti / menahan.


Dari sudut istilah tajwid: Menghentikan seketika bacaan secara memutuskan suara di akhir perkataan untuk bernafas dengan niat ingin menyambung kembali bacaan.

Terdapat beberapa jenis Waqaf iaitu Waqaf Lazim / Waqaf Jaiz / Waqaf Muraqabah / Waqaf Mamnu' / Saktah Latifah


Waqaf Lazim (اللازم الوقف) / Waqaf Tam (التام الوقف).

Menghentikan bacaan pada rangkai kata yang sempurna maknanya serta lafaz (dari segi 'irab) dan maksudnya tidak tergantung dengan kata-kata berikutnya. Waqaf ini bertanda: (م)

Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 26



Contoh : Surah An-Nisaa' (4) Ayat 118



Waqaf Ja'iz (Berhenti Harus) الجائز الوقف .

Bacaan diharuskan berhenti atau sambung. Kedudukan hukum bahagian ini kadangkala sama (berhenti atau sambung), kadangkala sambung lebih baik dari berhenti dan kadangkala berhenti lebih baik dari sambung (iaitu menghentikan bacaan pada rangkai kata yang tidak merosakkan maknanya).

Waqaf Ja'iz terdapat 3 pecahan iaitu Kafi, Tasawi & Hasan


Waqaf Kafi (الكافي الوقف).

Bacaan harus diberhentikan atau disambung malah berhenti lebih baik dari sambung. Ia dinamakan demikian kerana lafaznya sempurna dan tidak bergantung dengan lafaz selepasnya. Tandanya (قلبي).

Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 205




Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 263



Waqaf Tasawi (التساوي وقف).

Kedudukan hukum bacaan tersebut ketika berhenti dan sambung adalah sama. Tandanya: (ج).

Contoh : Surah At-Taubah (9) Ayat 73




Waqaf Hasan (الحسن الوقف).

Bacaan yang diharuskan berhenti atau sambung malah sambung adalah lebih baik dari berhenti. Ia dinamakan demikian kerana memberhentikan bacaan padanya adalah lebih baik. Tandanya (صلي).

Contoh : Surah Al-Maaidah (5) Ayat 8




Contoh : Surah Al-Maaidah (5) Ayat 27



Waqaf Muraqabah (Berhenti Pemerhatian) وقف المراقبة.

Ia juga dinamakan Waqaf Ta'anuq (Berhenti Berikat) iaitu memberhentikan bacaan pada salah satu dari dua tempat Waqaf yang berdekatan tanpa Waqaf pada kedua-duanya.


Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 2



Waqaf Mamnu' (Berhenti Tertegah) الممنوع الوقف .

Menghentikan bacaan pada rangkai kata yang tidak sempurna maknanya kerana makna dan lafaznya masih tergantung dengan kata-kata yang berikutnya dan ia ditegah berhenti. Tanda Waqaf tersebut ialah: (لا)

Contoh : Surah Al-Maidah (5) Ayat 53



Saktah Latifah (Berhenti baik / Elok) اللطيفة السكتة .

Iaitu menghentikan seketika bacaan tanpa bernafas sekadar dua harakat. Tandanya ialah: (س).

Contoh : Surah Al-Kahfi (18) Ayat 1



BAB 2 : JENIS-JENIS HAMZAH


Hamzah yang terdapat di dalam al-Quran terbahagi kepada dua bahagian iaitu Hamzah Wasal dan Hamzah Qat'ie.

Hamzah Qat'ie (القطع همزة).


Hamzah ini tetap disebut pada permulaan bacaan, pada ketika bacaan sambung dan pada tulisan. Hamzah ini dinamakan dengan Hamzah Qat'ie ialah kerana ia memutuskan beberapa huruf dari huruf yang lain ketika membacanya. Hamzah Qat'ie terletak pada awal kalimah, pada pertengahan kalimah atau pada akhir kalimah. Ia juga terletak pada kata nama (isim), kata kerja (fe'el) dan sendi nama (harf).

Hukumnya ialah ia perlu disebut ketika membacanya.

Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 4



Contoh : Surah A-li 'Imraan (3) Ayat 5



Hamzah Wasal (الوصل همزة).


Ia disebut pada permulaan bacaan dan digugurkan sebutannya ketika dibaca secara sambung dengan huruf sebelumnya. Ia dinamakan demikian kerana disambung dengan huruf yang bertanda Sukun pada awal perkataan. Tanda Hamzah Wasal ialah terdapat huruf Sad di atas huruf Alif.

Hukum Hamzah yang berbaris atas:

Hamzah Wasal yang berbaris atas disebut ketika memulakan bacaan dengannya jika sekiranya ia berada di dalam kata sandang (ال) takrif yang sentiasa disandang pada kata nama am.

Contohnya: (الرحمن الرحيم - الحمد لله رب العالمين)

Contoh : Surah Al-Faatihah (1) Ayat 2



Contoh : Surah Al-Faatihah (1) Ayat 3



Hukum Hamzah yang berbaris bawah:


Ia disebut ketika memulakan bacaan jika sekiranya ia berada di dalam kata kerja, huruf ketiganya berbaris atas atau berbaris bawah atau berada di dalam terbitan kata kerja yang telah lalu (الفعل الماضي).

Contohnya: (ارجع إليهم) (استكبارا في الأرض) (ادفع بآتي هي أحسن)


Perhatian penting: Di dalam bacaan, Hamzah Wasal terdapat pada tujuh tempat iaitu: (ابن - ابنة - امرؤ - امرأة - اثنتان - اسم)

Manakala hukum mula bacaan Hamzah Wasal di dalam kalimat-kalimah ini ialah wajib dibaca dengan baris bawah.

Contoh : Surah At-Taubah (9) Ayat 80



Contoh : Surah Taha (29) Ayat 24



Hukum Hamzah yang berbaris hadapan:


ia disebut ketika memulakan bacaan dengannya, jika huruf yang ketiga di dalam kata kerja suruhan berbaris hadapan.

Contohnya: (ادع إلي سبيل ربك - اركض برجلك)

Contoh : Surah Al-A'raaf (7) Ayat 55



Contoh : Surah Yusuf (12) Ayat 9



HUKUM GUGUR HAMZAL WASAL

Ketika bacaan sambung, Hamzah Wasal tidak disebut di dalam bacaan untuk mengukuhkan huruf Sukun ketika itu ke atas huruf selepasnya dan ia tidak memerlukan kepada Hamzah. Pada ketika ini Hamzah Wasal tidak disebut di dalam bacaan sambung. Ketika memulakan bacaan dengan Hamzah Wasal, barisnya mestilah disebut sama ada ia berbaris atas, berbaris bawah atau berbaris hadapan.

Jika Hamzah Wasal berada di dalam satu kalimah contohnya: (وبالحق - والله), ia tidak boleh disebut sama sekali kerana tidak sah menyebutnya secara berasingan dalam apa keadaan sekalipun.

Apabila Hamzah Wasal yang berbaris bawah bertemu dengan Hamzah Istifham (persoalan), Hamzah Wasal perlu dibuang dan disebut Hamzah Istifham secara berbaris di atas.

Keadaan ini terdapat pada tujuh tempat di dalam al-Quran iaitu:-

Pertama: (قَلْ أَتَّخَذْتُمْ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدًا) dari firman Allah (أَتَّخَذْتُمْ) .

Kedua: (أَطَّلَعَ الْغَيْبَ أَمْ أَتَّخَذْتُمْ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدًا) dari firman Allah (أَطَّلَعَ) .

Ketiga: (أَفْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا) dari firman Allah (أَفْتَرَى) .

Keempat: (أَصْطَفَى الْبَنَاتِ عَلَى الْبَنِينَ) dari firman Allah (أَصْطَفَى) .


Kelima: (الْأَبْصَارَ اتَّخَذْنَاهُمْ سَحَرِيًّا أَمْ زَاغَتْ عَنْهُمْ) dari firman Allah (اتَّخَذْنَاهُمْ) .

Keenam: (أَسْتَكْبَرْتَ أَمْ كُنْتَ مِنَ الْعَالِينَ) dari firman Allah (أَسْتَكْبَرْتَ) .


Ketujuh: (سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَسْتَغْفَرْتَ أَمْ لَمْ تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ) dari firman Allah (أَسْتَغْفَرْتَ) .

Hamzah Wasal yang berbaris di bawah juga apabila bertemu dengan Hamzah Istifham (persoalan), Hamzah Wasal mestilah dibuang dan Hamzah Istifham mesti disebut secara berbaris di atas.


Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 72



Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 72



Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 169



BAB 3 : QALQALAH (القلقة)

Dari sudut bahasa: Bergerak-gerak dan gementar.

Dari sudut istilah Ilmu Tajwid: Bunyi lantunan yang kuat dari makhraj hasil dari bacaan huruf yang bertanda Sukun di mana makhrajnya ditekan terlalu kuat kemudian dilepaskan dalam waktu yang singkat sama ada huruf Sukun itu asli atau mendatang.

Terdapat 3 peringkat Qalqalah iaitu:

Lantunan yang paling rendah (شدة أقل):

Apabila huruf Qalqalah terletak di pertengahan kalimah contohnya: Huruf Qaf di dalam kalimah (وخلقناكم أزواجاً).


Contoh : Surah Yaa Siin (36) Ayat 54



Contoh : Surah Yaa Siin (36) Ayat 59




Contoh : Surah An-Naba' (78) Ayat 8




Lantunan yang sederhana iaitu pertengahan (متوسط شدة):

Apabila memberhentikan bacaan pada huruf Qalqalah dan huruf tersebut tidak bersabdu (bertasydid) contohnya: Huruf Ta'(ط) di dalam kalimah (والله من وراء محيط)

Contoh : Surah Hud (11) Ayat 92



Contoh : Surah Qaaf (50) Ayat 7




Lantunan yang paling tinggi (أقصى شدة):

Apabila memberhentikan bacaan pada huruf Qalqalah dan huruf tersebut bersabdu (bertasydid)
contohnya huruf Qaf di dalam kalimah (قال رب أحكم بالحق)

Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 176



Contoh : Surah A-li 'Imraan (3) Ayat 108



BAB 4 : NUN DAN TANWIN

Nun Sukun (yang berbaris Sukun) **النون الساكنة** :

Nun yang berbaris mati dan bacaannya terhenti mengikut huruf yang berada selepasnya.

Nun Tanwin (yang berbaris dua) **نون لتون** :

Nun tambahan yang bertanda Sukun terdapat di akhir kata nama am yang bertanwin sahaja. Ia wujud dari segi bacaan tetapi ia tidak wujud dari segi tulisan dan ketika memberhentikan bacaan padanya. Tandanya ialah baris dua di hadapan (َ), baris dua di atas (ِ) atau baris dua di bawah (ِ). Nun Sukun (ْ) yang lahir dari tanwin juga dibaca dengan Sukun di dalam Hukum Tajwid.

Perhatian:

Apabila terdapat Hamzah Wasal selepas Nun Sukun dan Tanwin, kedua-duanya tidak boleh dibaca dengan hukum Izhar, Idgham, Iqlab dan Ikhfa' tetapi kedua-duanya mestilah dibaca dengan baris bawah untuk mengelakkan dari bertemu dua baris Sukun kecuali huruf Nun yang terdapat pada huruf Jar (sendi nama bahasa Arab) seperti di dalam kalimah (من), ia dibaca dengan baris atas (untuk mengelak dari bertemu dua huruf Sukun) kerana sebutannya terlalu berat. Perlu diberi perhatian juga tentang hukum yang sama dengan hukum Nun Sukun atau Tanwin, ia juga mesti dibaca dengan baris atas ketika membaca secara sambung.

Ia terbahagi kepada 4 iaitu Iqlab (الإقلاب) / Idgham (الإدغام) / Izhar (الإظهار) & Ikhfa' (الإخفاء).


Iqlab (الإقلاب).

Dari sudut bahasa: Menukarkan sesuatu kepada sesuatu.


Dari sudut istilah Ilmu Tajwid: Menukarkan bunyi Nun Sukun dan Tanwin kepada bunyi huruf Mim lalu diikhfa'kan (disembunyikan) ke dalam huruf Ba' yang berbaris serta dikekalkan sifat dengung.

Dinamakan Iqlab ialah kerana Nun Sukun atau Tanwin bertukar menjadi Mim yang tersembunyi. Hurufnya ialah Ba'.

Contoh : Surah An-Nahl (16) Ayat 66



Contoh : Surah Al-Israa' (17) Ayat 71



Idgham (الإِدْغَام).

Dari sudut bahasa: Memasukkan sesuatu ke dalam sesuatu. Dari sudut istilah Ilmu Tajwid: Memasukkan huruf pertama yang bertanda Sukun ke dalam huruf berikutnya yang berbaris dan menjadikan huruf yang berikutnya bersabdu serta terangkat lidah ketika menyebutnya.

Idgham ini terbahagi kepada dua bahagian:- Idgham Bighunnah (memasukkan serta dengung) dan Idgham Bila Ghunnah (memasukkan tanpa dengung).


Idgham tidak akan terhasil kecuali dari dua kalimah. Bilangan huruf Idgham sebanyak enam huruf yang terhimpun di dalam kalimah (يرملون)

Idgham Bighunnah (memasukkan serta dengung)(إِدْغَامٌ بِغِنَّةٍ).

la dari empat huruf yang terhimpun di dalam kalimah (ينمو) iaitu Ya', Nun, Mim dan Wau. Apabila salah satu dari hurufnya bertemu dengan Nun Sukun atau Nun Tanwin dengan syarat di dalam dua kalimah, ia mestilah dibaca secara Idgham Bighunnah atau Ma'al Ghunnah kecuali pada dua tempat iaitu: (ن والقلم وما يسطرون - يس والقرآن الحكيم).

Hukum membacanya pula ialah Izhar Mutlaq berlainan dengan kaedah asal kerana mengikut bacaan riwayat Hafs.

Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 58



Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 270



Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 270




Idgham Bila Ghunnah (إدغام بدون غنة)

laitu memasukkan tanpa dengung. Ia terdiri dari dua huruf iaitu Ra' dan Lam. Apabila salah satu dari dua huruf tersebut bertemu dengan Nun Sukun atau Tanwin dengan syarat di dalam dua kalimah yang berasingan, ia mestilah dibaca dengan Idgham Bila Ghunnah kecuali pada Nun (من راق) kerana di dalam bacaan ini wajib diam seketika (tanpa menyambung nafas) dan ia tidak diidghamkan.


Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 25



Contoh Surah Saba' (34) Ayat 15



Contoh : Surah Muhammad (47) Ayat 8



Izhar (الإظهار).

Dari sudut bahasa: Menyatakan, menerangkan sesuatu.

Dari sudut istilah Ilmu Tajwid: Mengeluarkan sebutan setiap huruf dari makhrajnya (tempat keluarnya) tanpa dengung.

Izhar terbahagi kepada 2 bahagian iaitu Halqi & Mutlak


Izhar Halqi (ظهار الحلقى الإ).

Dari sudut bahasa: Menyatakan, menerangkan sesuatu.


Dari sudut istilah Ilmu Tajwid: Mengeluarkan sebutan setiap huruf dari makhrajnya (tempat keluarnya) tanpa dengung. Ia dinamakan Halqi kerana enam hurufnya keluar dari kerongkong.

Huruf-huruf tersebut ialah: Hamzah(ا), Ha'(ه), 'Ain(ع), Ha'(ح), Ghain(غ) dan Kha'(خ).

Contoh : Surah Al-Faatihah (1) Ayat 7



Contoh : Surah A-li 'Imraan (3) Ayat 20



Izhar Mutlaq (الإظهار المطلق).

Dari sudut bahasa: Menyatakan, menerangkan sesuatu.


Dari sudut istilah Ilmu Tajwid: Mengeluarkan sebutan setiap huruf dari makhrajnya (tempat keluarnya) tanpa dengung. Ia dinamakan Mutlaq ialah kerana makhrajnya bukan dari tekak atau mulut. Izhar Mutlaq dibaca apabila huruf Ya' atau Wau terdapat selepas Nun Sukun di dalam satu kalimah.

Ia terdapat pada empat tempat sahaja di dalam al-Quran iaitu:


(الدنيا - بنيان - صنوان - قنوان)

Manakala (يس والقرآن الحكيم), (ن والقلم وما يسطرون) pula, hukum kedua-duanya adalah Izhar Mutlaq walaupun ia berada di dalam dua kalimah kerana mengikut bacaan riwayat Hafis.

Contoh : Surah At-Taubah (9) Ayat 109



Contoh : Surah Al-An'aam (6) Ayat 99



(الإخفاء) Ikhfa'.


Dari sudut bahasa: Tersembunyi.

Dari sudut istilah Ilmu Tajwid: Membaca huruf yang sifatnya antara Izhar dan Idgham tanpa sabdu serta mengekalkan sifat dengung pada huruf yang pertama.


la dinamakan Haqiqi ialah untuk menghasilkan Ikhfa' di dalam Nun Sukun dan Tanwin dengan lebih banyak selain dari kedua-duanya. Huruf Ikhfa' terdiri dari lima belas huruf yang terhimpun di dalam bait syair:

(صف ذا ثنا كم جاد شخص قد سما دم طيبا زد في تقى ضع ظالما)

Contoh : Surah An-Naml (27) Ayat 11



Contoh : Surah An-Naml (27) Ayat 11



BAB 5 : NUN DAN MIM TASYDID

Nun dan Mim yang bersabdu.

Nun yang bersabdu, Mim yang bersabdu dan huruf yang bersabdu pada asalnya terdiri dari dua huruf yaitu huruf yang pertama Sukun dan yang kedua berbaris.


MIM BERSABDU (TASYDID)

Mim bersabdu pada asalnya terdiri dari dua Mim, pertama Sukun dan kedua berbaris. Mim Sukun dimasukkan ke dalam Mim yang berbaris sehingga kedua-duanya membentuk satu huruf yang bersabdu. Hukum Mim yang bersabdu adalah wajib dibaca secara *Izhar Ghunnah (menzahirkan dengungnya)* sepanjang dua harakat. Mim yang bersabdu dinamakan huruf dengung yang disabdukan.

Contoh : Surah Az-Zumar (39) Ayat (4)




Contoh : Surah 'Abasa (80) Ayat (23)




NUN BERSABDU (TASYDID)

Nun bersabdu pada asalnya terdiri dari: Dua Nun, pertama Sukun dan kedua berbaris, Nun yang berbaris mati dimasukkan ke dalam Nun yang berbaris hidup sehingga kedua-duanya membentuk satu huruf yang bersabdu. Hukum Nun yang bersabdu adalah wajib dibaca secara *Izhar Ghunnah (menzahirkan dengungnya)* sepanjang dua harakat. Nun yang bersabdu dinamakan huruf dengung yang disabdukan.

Contoh : Surah At-Takaathur (102) Ayat 6



Contoh : Surah At-Takaathur (102) Ayat 7



BAB 6 : MIM SUKUN (MATI)

Mim Sukun yang terletak sebelum huruf hijaiyah (Huruf Arab) kesemuanya kecuali ketiga-tiga Huruf Mad kerana untuk mengelakkan dari bertemu dua huruf Sukun.


Izhar Syafawi (الشفوي الإظهار).

Dari sudut bahasa: Menyatakan, menerangkan sesuatu.


Dari sudut istilah Ilmu Tajwid: Mengeluarkan sebutan setiap huruf dari makhrajnya (tempat keluarnya) tanpa dengung. Ia dinamakan syafawi kerana Mim Sukun iaitu huruf yang zahir keluar dari dua bibir mulut dan ia disandarkan kepada makhraj huruf yang zahir kerana tepat sebutannya.

Izhar Syafawi adalah terdiri dari dua puluh enam huruf iaitu kesemua huruf hijaiyah selepas dibuang huruf Mim dan Ba'. Perlu diperhatikan apabila terdapat huruf Wau atau Fa' selepas Mim Sukun, huruf Mim Sukun mestilah dibaca secara *Izhar Syafawi (dinyatakan sebutan)* supaya terselamat dari keraguan membacanya secara Ikhfa' di mana huruf Mim wajib dibaca secara Ikhfa' ketika bertemu dengan huruf Ba' kerana makhraj huruf Mim dengan huruf Wau adalah sama manakala makhraj huruf Mim dengan huruf Fa' pula adalah berhampiran.


Contoh : Surah Al-Fajr (89) Ayat 6



Contoh : Surah Al-Fajr (89) Ayat 8



Contoh : Surah Asy-Syams (91) Ayat 13




Ikhfa' Syafawi (الإخفاء الشفوي).

Dari sudut bahasa: Tersembunyi


Dari sudut istilah Ilmu Tajwid: Membaca huruf yang sifatnya antara Izhar dan Idgham tanpa sabdu serta mengekalkan sifat dengung pada huruf pertama.

Ia dinamakan Syafawi kerana Huruf Mim dan Ba' sama-sama keluar dari dua bibir mulut. Ikhfa' Syafawi terdiri dari satu huruf iaitu Ba'.

Contoh : Surah A-Tuur (52) Ayat 20



Contoh : Surah Al-Qamar (54) Ayat 34




Idgham Mithlain Saghir (إدغام مثليين صغير)

Dari sudut bahasa: Memasukkan sesuatu ke dalam sesuatu.

Dari sudut istilah Ilmu Tajwid: Memasukkan huruf pertama yang bertanda Sukun (mati) ke dalam huruf berikutnya yang berbaris hidup dan menjadikan huruf yang berikutnya bersabdu serta terangkat lidah ketika menyebutnya.

Ia dinamakan Mithlain (dua jenis huruf yang sama) kerana ia terbentuk dari dua huruf yang sama makhraj dan sifat manakala dinamakan saghir (kecil) pula ialah kerana huruf yang pertama berbaris Sukun (mati) dan huruf kedua berbaris hidup. Idgham Mithlain Saghir terdiri dari satu huruf iaitu Mim.

Contoh : Surah Al-Waaqi'ah (56) Ayat 81



Contoh : Surah Al-Hadiid (57) Ayat 10



BAB 7 : LAM SUKUN (MATI)

Huruf-huruf Lam Sukun di dalam al-Quran terbahagi kepada tiga bahagian: Lam Ta'rif (لام التعريف) atau Lam (ال), Lam Fi'li (لام الفعل) dan Lam Harfi (لام الحرف).

Lam Ta'rif (لام التعريف) atau Lam (ال)

Lam (ال) iaitu Lam yang dikenali dengan Lam Ta'rif yang dapat bersama-sama dengan kata nama (isim). Ia juga sebagai tambahan untuk membentuk kalimah sama ada kalimah tersebut boleh ditulis tanpanya seperti (الأرض) ataupun tidak boleh ditulis tanpanya seperti (لَدِينَا) menyebabkan penambahan Alif Lam (ال) ke dalam kalimah sedemikian adalah sangat perlu, dengan kata lain ia tidak boleh dipisahkan dari kalimah yang berada bersamanya. Hukum bacaan di dalam bahagian ini ialah wajib dibaca secara Idgham (dimasukkan) jika terdapat huruf Lam selepasnya seperti (الذي) dan wajib dibaca secara Izhar jika terdapat Huruf Ya' atau Hamzah selepasnya seperti kalimah: (والأن) dan (واليسع).

Lam Ta'rif terbahagi kepada 2 iaitu Qamariyah & Syamsiyah


Lam Qamariah (اللام القمرية) terdiri dari empat belas huruf. Ia terkumpul di dalam bait syair: (ابغ حجك وخف عقيمة).

Hukum Lam Qamariah ialah Izhar (dinyatakan) dan sebab huruf Lam dibaca secara Izhar ketika bersama dengan huruf-huruf ini ialah kerana makhras makhras huruf Lam terletak berjauhan dengan makhras empat belas huruf tersebut.

Contoh : Surah At-Takwiir (81) Ayat 3



Contoh : Surah At-Takwiir (81) Ayat 6



Lam Syamsiah (اللام الشمسية) terdiri dari empat belas huruf. Ia terkumpul di dalam bait syair: (طب ثم صل رحما تفض ضف ذا نعم دع سوء ظن زر شريفا للكرم).

Hukum Lam Syamsiah adalah Idgham (memasukkan) dan sebab huruf Lam dibaca secara Idgham ketika bersama dengan huruf ini ialah kerana makhraj Lam Syamsiah adalah sama dengan makhraj huruf Lam dan terletak berdekatan dengan huruf-huruf lain yang tersebut di atas.

Contoh : Surah An-Naazi'at (79) Ayat 1



Contoh : Surah An-Naazi'at (79) Ayat 4




Lam Fi'li (لام الفعل)

Lam Sukun yang terletak pada kata kerja (Fe'el) sama ada kata kerja tersebut yang telah lalu (madhi), sedang berlaku (mudharik) / akan datang atau kata kerja seru dan dalam semua keadaan sama ada ia terletak pada pertengahan ayat atau di akhir ayat.

Idgham: Lam Fi'li dibaca secara Idgham apabila terdapat selepasnya huruf Ra' atau Lam.

Contoh : Surah Al-Israa' (17) Ayat 95




Contoh : Surah Taha (20) Ayat 114




Izhar: Lam Fi'li dibaca secara Izhar apabila terdapat selepasnya salah satu huruf hijaiyah kecuali huruf Ra' dan Lam.

Contoh : Surah Hud (11) Ayat 81



Contoh : Surah Yusuf (12) Ayat 10



Lam Harfi (لام الحرف).


Lam Sukun yang berada di dalam sendi nama (harf) iaitu di dalam (هل), (بل) sahaja dan tidak terdapat di dalam kalimah yang lain di dalam al-Quran selain dari dua kalimah tersebut.

Idgham: Lam Harfi dibaca secara Idgham apabila terdapat huruf Ra' atau Lam selepasnya kecuali pada ayat (بَل رَانَ) di mana hukumnya adalah Izhar (nyata) kerana terdapat hukum yang mewajibkan diam (berhenti seketika tanpa bernafas) yang menghalang dari Idgham.

Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 116




Contoh : Surah An-Nisaa' (4) Ayat 158




Izhar: Lam Harfi dibaca secara Izhar (nyata) apabila terdapat salah satu huruf hijaiyah selepasnya kecuali huruf Ra' dan Lam.

Contoh : Surah Al-Maidah (5) Ayat 112



Contoh : Surah Qaaf (50) Ayat 2



BAB 8 : HUKUM MAD

Mad (مد)

Dari sudut bahasa: Lebih / Tambahan. Dari sudut istilah Ilmu Tajwid: Memanjangkan sebutan lebih dari dua harakat ketika membaca huruf Mad (pemanjang) atau Lin yang bertemu dengan huruf Hamzah atau baris Sukun.

Huruf Mad terdiri dari tiga huruf iaitu Alif (ا), Wau (و) dan Ya' (ي).

Huruf Wau disyaratkan huruf sebelumnya berbaris di hadapan dan huruf Ya' pula disyaratkan huruf sebelumnya berbaris di bawah manakala huruf Alif tidak baris lain yang berada sebelumnya selain baris di atas.

Huruf Ya' dan Wau apabila berbaris Sukun dan huruf sebelumnya berbaris di atas, kedua-dua huruf tersebut tidak dinamakan huruf Mad tetapi ia dinamakan Huruf Lin.

Mad terbahagi 2 iaitu Mad Asli & Mad Far'i

Mad Tabi'i (المد الطبيعي) atau Mad Asli (المد الأصلي)

Mad yang terdapat huruf hijaiah selain dari huruf Hamzah dan Sukun selepasnya dan ia dinamakan Tabi'i ialah kerana pembaca yang memiliki sifat kejadian yang sempurna tidak mengurangkan kadar Madnya iaitu dua harakat dan tidak pula melebihi dari itu.

Ketika Berhenti dan Sambung


Apabila huruf Mad berada dalam keadaan tetap, sambung dan berhenti, huruf tersebut dibaca secara Mad (panjang) sama ada ketika sambung dan berhenti. Begitu juga sama ada ketika berada di pertengahan kalimat seperti (يوصيكم) (مالك) atau di akhir kalimat seperti (والشمس وضحاها)

Di dalam bahagian ini disyaratkan tidak terdapat huruf Hamzah atau Sukun selepas huruf Mad.

Contoh : Surah Al-Mutaffifiin (83) Ayat 26



Contoh : Surah Al-Buruuj (85) Ayat 8




Ketika Sambung

Mad Asli atau Tabi'i dalam keadaan berhenti sahaja khususnya yang berkaitan dengan Mad Silah Kecil (مد الصلّة الصغرى) iaitu huruf Wau kecil yang terdapat selepas Ha' Dhamir berbaris hadapan (هـ) dan huruf Ya' kecil terletak selepas huruf Ha' Dhamir berbaris bawah (هـ), begitu juga supaya huruf Ha' kinayah disambung dengan huruf Wau atau Ya', huruf Mad disyaratkan mestilah terletak di antara dua huruf yang berbaris hidup seperti kalimah (به بصيرا) (إنه هو)

Dalam keadaan ini huruf wau dan Ya' dibaca secara Mad sepanjang dua harakat (dengan syarat tidak terdapat huruf Hamzah yang berasingan darinya di dalam kalimah lain) dalam keadaan sambung tetapi jika dalam keadaan berhenti ia tidak dibaca secara Mad.

Contoh : Surah 'Abasa (80) Ayat 35



Contoh : Surah Al-Mutaffifiin (83) Ayat 26



Mad Asli atau Tabi'i dalam keadaan berhenti sahaja akan dibaca secara panjang sekiranya huruf Mad tersebut tetap berada di dalam keadaan berhenti bukan ketika sambung. Ia dibaca panjang pada huruf-huruf Alif yang ditukar dari baris dua di atasnya (Tanwin) seperti (عَلِيْمًا حَكِيْمًا) dengan memberhentikan bacaan pada huruf Alif (حَكِيْمًا) dan disyaratkan supaya Alif ini dibaca secara Mad tanpa menyambung dengan kalimah yang berada selepasnya.

Contoh : Surah 'Abasa (80) Ayat 26



Contoh : Surah 'Abasa (80) Ayat 27



Contoh : Surah Al-Fajr (89) Ayat 19



MAD FAR'I


Mad Far'i (المد الفرعي) ialah Mad yang telah ditambah lebih panjang bacaannya dari Mad Asli disebabkan terdapat Hamzah (ء) atau tanda Sukun (°) selepas huruf Mad.

Mad Far'i terbahagi kepada Muttasil, Munfasil, Aridh Lissukun, Badal, Lazim.


Mad Muttasil (المتصل)

Mad Muttasil iaitu berangkai (المتصل) ialah Huruf Mad yang bertemu dengan huruf Hamzah dalam kalimah yang sama. Ia dinamakan Mad Muttasil kerana huruf Mad bertemu dengan huruf Hamzah di dalam satu kalimah. Mad Muttasil ialah Mad wajib dan kadar bacaannya adalah empat harakat, lima harakat atau enam harakat ketika berhenti.

Contoh : Surah Ar-Ra'd (13) Ayat 21




Contoh : Surah Al-Insaan (76) Ayat 22




Mad Munfasil (المنفصل)

Mad Munfasil iaitu bercerai (المنفصل) ialah huruf Mad yang disului oleh huruf Hamzah (secara berasingan) yang terdapat pada awal kalimah berikutnya. Ia dinamakan Mad Munfasil ialah kerana huruf Mad terpisah dari huruf Hamzah yang terletak di dalam kalimah yang lain. Hukumnya: Harus membacanya secara pendek dengan kadar dua harakat, empat harakat atau lima harakat mengikut bacaan riwayat Hafsh. Mad SilahKubra (iaitu huruf Wau kecil yang terdapat selepas Ha' Dhamir berbaris hadapan (هـ) dan huruf Ya' kecil terletak selepas huruf Ha' Dhamir berbaris bawah (هـ) juga termasuk di dalam hukum Mad Munfasil. Apabila terdapat huruf Hamzah yang berada dalam keadaan berasingan di dalam kalimah berikutnya selepas huruf Wau Silah dan Ya' Silah, hukumnya adalah mengikut hukum Mad Munfasil jika dalam keadaan sambung tetapi jika dalam keadaan berhenti, ia tidak boleh dibaca secara Mad.


Contoh : Surah A-li 'Imraan (3) Ayat 147



Contoh : Surah Saad (38) Ayat 41



Contoh : Surah Saad (38) Ayat 41




Mad 'Aridh (العارض للسكون)

Mad 'Aridh (العارض للسكون) ialah Mad yang bertemu dengan huruf Lin Sukun Aridh (Sukun yang mendatang) kerana ingin menghentikan bacaan. Ia dinamakan 'Aridh (mendatang) ialah kerana huruf terakhir di dalam kalimat tersebut terpaksa dibaca dengan Sukun kerana memberhentikan bacaan padanya, jika sekiranya bacaan disambung, ia akan menjadi Mad Tabi'i.

Hukumnya: Harus membacanya dengan tiga bentuk bacaan: Membaca secara pendek dengan kadar dua harakat, membaca secara pertengahan dengan kadar empat harakat dan membacanya secara sempurna dengan kadar enam harakat seperti: (الحمد لله رب العالمين).

Mad 'Aridh mengambil hukum Mad Lin iaitu memanjangkan bacaan Wau dan Ya' Sukun dan terdapat huruf berbaris atas sebelum Wau dan Ya' ketika berhenti. Ia dinamakan dengan nama tersebut ialah kerana sebutannya terlalu lembut dan mudah seperti di dalam ayat: (فليعبدوا رب هذا البيت)

Contoh : Surah Al-Fajr (89) Ayat 6



Contoh : Surah Al-Fajr (89) Ayat 7



Mad Badal (البديل)

Mad Badal (البديل) ialah huruf Hamzah berada sebelum huruf Mad di dalam satu kalimah dan tidak terdapat huruf Hamzah atau Sukun selepas huruf Mad. Ia dinamakan dengan Mad Badal ialah kerana kebiasaannya huruf Mad ditukar dari huruf Hamzah kerana asal Mad Badal ialah bertemu dua Hamzah di dalam satu kalimah di mana Hamzah pertama berbaris hidup dan Hamzah kedua berbaris Sukun (mati).


Huruf Hamzah kedua ditukar kepada huruf Mad mengikut baris huruf Hamzah pertama untuk meringankan bacaan. Jika huruf Hamzah pertama berbaris di atas, huruf Hamzah kedua ditukar menjadi huruf Alif (ا) seperti: (آمنوا) kerana asalnya (ءأمنوا).

Jika huruf Hamzah pertama berbaris di bawah, huruf Hamzah kedua ditukarkan menjadi huruf Ya' seperti: (إيماناً) kerana asalnya (إيمانًا).

Sekiranya huruf Hamzah pertama berbaris hadapan, huruf Hamzah kedua ditukar menjadi huruf Wau (و) seperti: (أوتوا) kerana asalnya (أوْتوا).

Hukumnya: Ia dibaca secara Mad dengan kadar dua harakat seperti Mad Tabii.

Contoh : Surah A-li 'Imraan (3) Ayat 173



Contoh : Surah Al-An'aam (6) Ayat 74



MAD LAZIM (المد اللازم)

Mad Lazim (المد اللازم) iaitu huruf Mad yang disusuli dengan tanda Sukun asli tetap di dalam bacaan bersambung atau berhenti sama ada di dalam satu kalimah atau harf (sendi nama).

Ia dinamakan Mad Lazim (Tetap) ialah kerana bacaannya mestilah dibaca dengan enam harakat tanpa berubah, begitu juga kerana sebabnya iaitu Sukun ketika bacaan sambung dan berhenti.

Mad Lazim terbahagi kepada : 4

Mad Lazim Harfi Muthaqqal (المد اللازم الحرفي المثلث)

Mad Lazim Harfi Muthaqqal (المد اللازم الحرفي المثلث) ialah huruf Mad yang disusuli dengan Sukun asli pada salah satu huruf hijaiyah dengan syarat ia bertasydid.


Ia dinamakan Harfi ialah kerana terdapat Sukun asli pada salah satu huruf hijaiyah yang berada selepas huruf Mad di permulaan surah.

Ia dinamakan Muthaqqal ialah kerana terlalu berat untuk menyebutnya disebabkan terdapat Tasydid pada Sukunnya. Hukumnya adalah wajib dibaca secara Mad enam harakat seperti huruf Lam di dalam kalimah (الم)

Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 1



Contoh : Surah Al-A'raaf (7) Ayat 1



Mad Lazim Harfi Mukhaffaf (المد اللازم الحرفي المخفف)

laitu selepas huruf Mad terdapat Sukun asli pada salah satu huruf hijaiyah yang tidak bertasydid. Ia dinamakan Mukhaffaf kerana sebutannya terlalu ringan disebabkan ia tidak bertasydid dan tidak berdengung seperti huruf Mim di dalam (الم).

Perhatian penting: Huruf hijaiyah yang terletak di permulaan surah terdiri dari empat belas huruf terkumpul di dalam bait syair (صله سحيرا من قطعك) dan ia terbahagi kepada empat bahagian;

Pertama: Ejaannya terbentuk dari tiga huruf di mana terdapat huruf Mad di pertengahannya. Ia terdiri dari tujuh huruf yang terkumpul di dalam bait syair (كم عسل نقص) kecuali huruf 'Ain. Bahagian ini dibaca enam harakat dengan sempurna.

Kedua: Ejaannya terbentuk dari tiga huruf di mana huruf Lin terdapat di pertengahannya iaitu huruf 'Ain. Huruf ini harus disempurnakan dengan bacaan enam harakat dan bacaan pertengahan empat harakat.

Ketiga: Ejaannya terbentuk dari dua huruf di mana huruf keduanya ialah huruf Mad dan huruf-hurufnya adalah sebanyak lima huruf yang terhimpun dalam bait syair (طهر حي). Bahagian ini dibaca secara Mad Tab'i dengan kadar dua harakat.

Keempat: Ejaannya terbentuk dari tiga huruf di mana tidak terdapat satupun huruf Mad di pertengahannya. Ia terdiri dari satu huruf iaitu Alif dan tidak terdapat padanya huruf Mad.

Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 1




Contoh : Surah Yunus (10) Ayat 1




Mad Lazim Kalimi Muthaqqal (المد اللازم الكلمي المثقل)

laitu selepas huruf Mad terdapat huruf bertasydid di dalam satu kalimah, hukumnya ia dibaca dengan enam harakat. Ia dinamakan Muthaqqal kerana berat atau susah untuk menyebutnya disebabkan terdapat tasydid pada Sukunnya. Contohnya Alif di dalam kalimah (الضالين), dari firman Allah s.w.t (غير المغضوب عليهم ولا الضالين)

Contoh : Surah A-li 'Imraan (3) Ayat 61



Contoh : Surah At-Taubah (9) Ayat 36




Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf (م الكلمي المخفف المد اللازم)

laitu selepas huruf Mad terdapat huruf Sukun yang tidak bertasydid di dalam satu kalimah. Hukumnya wajib dibaca dengan enam harakat. Ia dinamakan dengan Kalimi kerana terdapat Sukun asli selepas huruf Mad di dalam satu kalimah. Ia dinamakan Mukhaffaf kerana ringan atau mudah menyebutnya disebabkan keadaannya yang tidak bertasydid dan tidak berdengung. Contohnya di dalam kalimah (أَلَانَ) di dalam dua tempat surah Yunus ayat lima puluh satu dan sembilan puluh satu malah tidak terdapat di dalam al-Quran selain dari dua tempat tersebut.

Contoh : Surah Yunus (10) Ayat 51



Contoh : Surah Yunus (10) Ayat 91



BAB 9 : BERTEMU DUA SUKUN

Apabila bertemu dua huruf Sukun maka pada ketika itu perlu diselesaikan salah satu dari keduanya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh kaedah Bahasa Arab, sama ada membuang huruf pertama yang bersukun atau membariskannya. Perlu diberi perhatian bahawa keadaan sebegini diharuskan ketika ingin menyambung bacaan sahaja.

Mengquurkan huruf awal Sukun


Huruf Mad dibuang pada ketika ingin menyambung bacaan sahaja apabila terdapat huruf Hamzah yang bersambung selepas huruf Mad. Ia dibuang pada bacaan sahaja tidak pada tulisan kerana biasanya ia tercatat di dalam al-Quran seperti: (إذا الشمس كورت).

Kadangkala huruf Mad dibuang pada bacaan sambung dan berhenti kerana ianya tidak tercatat di dalam tulisan apabila terdapat selepasnya huruf Hamzah yang bersambung. Contohnya membuang huruf Ya' dari kalimah: (تحي) di dalam ayat al-Quran: (ربي أرني كيف تحي الموتى).


Contoh : Surah A-li 'Imraan (3) Ayat 5



Contoh : Surah A-li 'Imraan (3) Ayat 5



Contoh : Surah Al-Anfaal (8) Ayat 32




Membariskan huruf awal Sukun

Untuk menyelesaikan pertemuan dua huruf yang bersukun, perlu dibariskan huruf Sukun yang pertama sama ada dengan *baris atas*, *baris bawah* atau *baris hadapan*.


Baris Bawah

Huruf Sukun yang pertama dibariskan dengan baris bawah (untuk mengelakkan) pertemuan dua huruf Sukun jika sekiranya huruf Sukun pertama di akhir kalimah pertama dan huruf Sukun kedua ialah Hamzah Wasal, berada pada awal kalimah kedua. Di dalam keadaan ini huruf Sukun yang pertama dibariskan dengan baris bawah dan Hamzah Wasal digugurkan di dalam bacaan. Contohnya (قُلْ أَدْعُوا اللَّهَ) keadaan demikian bukanlah dalam bentuk huruf tersebut berbaris atas dan hadapan. Perhatian penting: Nun yang terbit dari Tanwin jika terdapat Hamzah Wasal selepas Nun Tanwin, Nun tersebut dibariskan dengan baris bawah dengan syarat huruf yang berbaris ini dibaca di dalam keadaan sambung sahaja contohnya Tanwin dalam kalimah (عَادَا) di dalam ayat (عَادَا الْأُولَى) dan Lam (الْأَسْمَ) yang terdapat di dalam surah al-Hujurat kerana ia terletak antara dua huruf Hamzah yang bersambung, oleh sebab itu Huruf Lam dibariskan dengan baris bawah untuk mengelakkan dari bertemu dua Sukun.


Contoh : Surah An-Nisaa' (4) Ayat 66



Contoh : Surah An-Nisaa' (4) Ayat 66



Contoh : Surah Al-An'aam (6) Ayat 10




Baris Atas

Huruf Sukun pertama dibariskan dengan baris atas (untuk mengelak dari bertemu dua Sukun) di dalam dua keadaan iaitu:


Pertama: Nun di dalam kalimah (من) jika terdapat selepasnya Hamzah yang bersambung seperti: (ين وأنا على ذلكم من الشاهد)

Kedua: Huruf Ya' (ganti nama kepada orang yang bercakap), apabila terdapat Hamzah yang bersambung selepasnya seperti: (أذكروا نعمتي التي أنعمت عليكم)


Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 40



Contoh : Surah Al-Israa' (17) Ayat 79



Contoh : Surah Maryam (19) Ayat 30



Baris Hadapan

Terdapat dua keadaan (untuk mengelak dari bertemu dua huruf Sukun) yang membolehkan Sukun pertama dibariskan dengan Dhammah:


Pertama: Huruf Wau yang menunjukkan kepada bilangan ramai apabila terdapat selepasnya Hamzah Wasal contohnya: (فتمنوا الموت إن كنتم صادقين)

Kedua: Huruf Mim yang menunjukkan kepada bilangan ramai apabila terdapat selepasnya Hamzah Wasal contohnya: (وسخر لكم الليل والنهار)


Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 94



Contoh : Surah An-Nisaa' (4) Ayat 42



Contoh : Surah An-Nisaa' (4) Ayat 42



BAB 10 : TAFKHIM DAN TARQIQ

Huruf hijaiyah terbahagi kepada tiga bahagian dari sudut Tafkhim (التَّفْخِيم) dan Tarqiq (التَّرْقِيق).

Pertama: Huruf yang sentiasa ditebalkan iaitu Huruf-huruf Isti'la'.

Kedua: Huruf yang kadangkala ditebalkan dan kadangkala dinipiskan bacaannya mengikut keadaan ayat. (Alif - Lam Lafaz Allah - Ra').

Ketiga: Huruf yang sentiasa dinipiskan bacaannya iaitu Huruf Istifal selain daripada huruf Lam dan Ra'.

PERINGKAT TAFKHIM (التَّفْخِيم)

Tafkhim (التَّفْخِيم) dari sudut bahasa: Gemuk (tebal).


Dari sudut istilah Ilmu Tajwid: Ibarat kekuatan masuk pada bunyi huruf hingga bunyinya memenuhi mulut. Huruf Tafkhim terdiri dari tujuh huruf yang terkandung di dalam bait syair (خص ضغط قظ).

Peringkat pertama Tafkhim ialah apabila huruf Tafkhim berbaris atas dan selepasnya terdapat huruf Alif contohnya: (قال).

Contoh : Surah Al-Qiaamah (75) Ayat 3




Contoh : Surah Al-Insaan (76) Ayat 15




Peringkat kedua Tafkhim ialah apabila huruf Tafkhim berbaris atas dan tidak ada selepasnya huruf Alif contohnya: (خلقكم).

Contoh : Surah At-Tahriim (66) Ayat 10



Contoh : Surah Al-Mursalaat (77) Ayat 31




Peringkat ketiga *Tafkhim* ialah apabila huruf *Tafkhim* berbaris hadapan contohnya: (يقول).

Contoh : Surah Qaaf (50) Ayat 1




Contoh : Surah Qaaf (50) Ayat 4




Peringkat keempat *Tafkhim* ialah apabila huruf *Tafkhim* Sukun contohnya: (إقرأ).

Contoh : Surah Al-Jaathiyah (45) Ayat 22



Contoh : Surah Al-Ahqaaf (46) Ayat 19




Peringkat kelima Tafkhim ialah apabila huruf Tafkhim berbaris bawah contohnya: (قِيلَ).

Contoh : Surah Adz-Dzaariyaat (51) Ayat 6



Contoh : Surah Al-Jumu'ah (62) Ayat 8



Mengikuti Tempat

Mengikuti tempat iaitu khusus dengan kalimah yang dibaca dengan Tarqiq dalam keadaan tertentu dan dibaca dengan Tafkhim di dalam keadaan yang lain. Hurufnya adalah sebanyak tiga huruf selain dari huruf Istifal iaitu (Alif - Lam Lafaz Allah - Ra').

Tafkhim

Tafkhim (ditebalkan bacaan) mengikuti tempat merangkumi huruf Alif, Lam pada lafaz Allah dan Ra'.

Pertama (Alif): Alif dibaca dengan tebal jika ia terletak selepas huruf tebal, contohnya di dalam kalimah (قال).

Kedua (Lam pada lafaz Allah): Lam pada lafaz Allah dibaca dengan tebal jika ia terletak selepas huruf yang berbaris atas, hadapan atau di permulaan kalimah contohnya: (قال الله), (الله لا إله إلا هو) dan (عبد الله).


Ketiga (Ra'): Ra' sentiasa dibaca dengan tebal di dalam tiga keadaan iaitu:

Pertama: Jika ia berbaris atas sama ada di awal kalimah, di pertengahan kalimah atau di akhir kalimah dengan syarat ia dibaca secara sambung, contohnya (ربنا - بربكم - ليس البر أن تولوا وجوهكم).

Kedua: Jika ia berbaris hadapan, contohnya (رزقنا - رددت).

Ketiga: Jika ia berbaris Sukun dan huruf sebelumnya berbaris di atas, di hadapan atau di bawah manakala baris bawahnya pula ialah baris asal serta terdapat selepasnya Huruf Isti'la' atau huruf sebelumnya berbaris bawah dan baris bawahnya adalah mendatang seperti: (ارجعوا - قرطاس - مرتفقاً - زرعاً).

Contoh : Surah Al-Jinn (72) Ayat 19



Contoh : Surah Al-Mutaffifiin (83) Ayat 30



Tarqiq

Tarqiq mengikut keadaan tempat merangkumi huruf Alif, Lam pada lafaz Allah dan Ra':

Pertama Alif: Alif dibaca dengan nipis apabila ia terletak selepas huruf Tarqiq, contohnya kalimah (الكتاب).

Kedua Lam pada lafaz Allah: ia dibaca dengan nipis apabila ia terletak selepas huruf yang berbaris bawah, sama ada huruf tersebut bersambung dengannya di dalam satu kalimah atau berasingan di dalam dua kalimah contohnya: (بِسْمِ اللَّهِ), (اللَّهُ).


Ketiga Ra': Ra' sentiasa dibaca dengan nipis di dalam tiga keadaan iaitu:

Pertama: Jika ia berbaris bawah contohnya: (رجال - مريئا).


Kedua: Jika ia berbaris Sukun dan huruf sebelumnya berbaris bawah asli dan tidak ada huruf Isti'la' selepasnya seperti kalimah (فرعون).

Ketiga: Jika ia berbaris Sukun (Sukun mendatang) kerana memberhentikan bacaan selepas huruf Ya' Mad atau Mad Lin, contohnya: (وهو على كل شيء قدير) (ذلك خير).

Contoh: Surah Al-Faatihah (1) Ayat 1



Contoh : Surah Al-Qamar (54) Ayat 11



Tafkhim Lebih Utama

Ra' harus dibaca dengan Tafkhim (tebal) dan Tarqiq (nipis) tetapi jika dibaca dengan Tafkhim (tebal) adalah lebih utama di dalam dua keadaan:

Pertama: Jika Ra' dibaca dengan Sukun ketika berhenti bacaan dan huruf sebelumnya berbaris atas atau hadapan contohnya: (كذبت ثمود بالنذر) (إن هذا إقوال البشر).

Kedua: Jika Ra' dibaca dengan Sukun ketika berhenti bacaan dan huruf sebelumnya berbaris Sukun serta didahului dengan huruf yang berbaris atas atau hadapan dan ia dibaca ketika sambung dengan baris bawah (والعصر) (والفجر).

Perhatian penting: Sesiapa yang membaca Ra' dengan nipis di dalam keadaan ini bererti dia telah melihat kepada hukumnya iaitu wajib dinipiskan ketika sambung disebabkan ia berbaris bawah dan sesiapa membacanya dengan tebal bererti dia tidak melihat kepada keadaannya ketika sambung tetapi ia melihat kepada Sukun yang mendatang.

Contoh : Surah Al-Qamar (54) Ayat 23



Contoh : Surah Al-Muddathhir (74) Ayat 25



Tarqiq Lebih Utama

Ra' harus dibaca dengan Tafkhim (tebal) dan Tarqiq (nipis) tetapi jika dibaca dengan Tarqiq adalah lebih utama di dalam tiga keadaan iaitu:

Pertama: Jika huruf Ra' dibaca ketika berhenti dengan Sukun dan selepasnya terdapat huruf Ya' yang digugurkan untuk meringankan bacaan seperti: (يَسْر) di dalam firman Allah s.w.t (والليل إذا يسر) kerana pada asalnya (يسري) lalu digugurkan Ya' untuk meringankan bacaannya.

Kedua: Jika Ra' disukunkan selepas huruf yang berbaris bawah kerana ingin memberhentikan bacaan dan kedua-duanya diselangi dengan huruf Isti'la'. Tidak terdapat di dalam al-Quran kecuali satu kalimah sahaja iaitu kalimah (وأسلنا له عين القطر) (القطر).

Sesiapa yang membacanya dengan nipis bererti dia ingin menyambung bacaan dan sesiapa yang membacanya dengan tebal ketika berhenti bacaan bererti dia melihatnya sebagai mendatang.

Ketiga: Jika Ra' Sukun dan huruf sebelumnya berbaris bawah dan selepasnya terdapat huruf Isti'la' yang berbaris bawah. Tidak terdapat di dalam al-Quran kecuali satu kalimah sahaja iaitu kalimah (كل فرق كالتود) (فرق).

Sesiapa yang membacanya dengan nipis bererti dia melihat kepada baris bawah yang terdapat sebelumnya dan dia tidak melihat kepada huruf Isti'la' yang terletak selepasnya kerana ia berbaris bawah. Sesiapa membacanya dengan tebal bererti dia melihat kepada huruf Isti'la' yang terletak selepasnya dan dia tidak melihat kepada baris bawah yang terletak sebelumnya serta dia tidak melihat kepada baris bawah huruf Isti'la'.

Contoh : Surah Asy-Syu'araa' (26) Ayat 63




Contoh : Surah Saba' (34) Ayat 12



Imalah

Hukum Imalah (الإمالة) adalah dikhususkan untuk huruf Ra' sahaja. Ra' dibaca dengan nipis kerana baris atas yang cenderung kepada baris bawah. Huruf Alif yang cenderung kepada Ya' terdapat di dalam *satu kalimah sahaja* di dalam al-Quran iaitu kalimah (مجرها).

Contoh : Surah Hud (11) Ayat 41



BAB 11 : PERTEMUAN HURUF

Setiap dua huruf yang bertemu sama ada dalam bentuk lafaz atau tulisan sahaja, kedua-duanya terbahagi kepada empat bahagian iaitu: (Mithlan - Mutaqariban - Mutajanisan - Mutaba'idan).

Ulama Tajwid tidak menyebut hukum tentang Mutaba'idan (Dua Yang Berjauhan) kerana tujuan dari mempelajari ilmu ini ialah untuk mengetahui sesuatu yang perlu diidghamkan (dimasukkan) atau tidak dan hukum ini tidak terdapat pada Mutaba'idan (Dua Yang Berjauhan).

Mithlan (المثلان).


Dua huruf yang sama makhraj dan sifatnya seperti dua huruf Ba' dan dua huruf Ta' (ت).

Mithlan Saghir (المثلان الصغير).


Huruf awal Sukun dan huruf yang kedua berbaris. Ia dinamakan Saghir (kecil) kerana huruf awalnya berbaris Sukun (mati) dan huruf keduanya berbaris menyebabkan ia mudah dimasukkan (diidghamkan).

Hukumnya: Wajib diidghamkan (dimasukkan) kecuali jika huruf awal dari kedua-duanya adalah huruf Mad. Dalam keadaan ini wajib diizharkan contohnya: (قالوا وهم) atau huruf awal dari kedua-duanya adalah huruf Ha' saktah. Dalam keadaan ini wajib diizharkan kerana mesti diam seketika (berhenti tanpa menyambung nafas) yang menegah dari diidghamkan (dimasukkan) seperti (ماليه هلك).

Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 60




Contoh : Surah Al-Maidah (5) Ayat 61




Mithlan Kabir (المثلان الكبير).

Dua huruf yang berbaris. Ia dinamakan Kabir (besar) ialah kerana ia banyak terdapat di dalam al-Quran dan kerana baris lebih banyak dari Sukun. Hukumnya: Wajib diizharkan (dinyatakan) kecuali pada ayat: (تَأْمَنَّا) di mana hukumnya mesti diidghamkan (dimasukkan) berserta Isyham iaitu memuncungkan dua bibir ke hadapan ketika menyebut huruf Nun Sukun yang pertama dan mengidghamkan kepada Nun yang kedua Keadaan ini bertujuan ingin menunjukkan bahawa baris asal huruf Nun adalah baris hadapan kerana kalimah (تَأْمَنَّا) pada asalnya adalah (تَأْمَنَّا) lalu Nun pertama dimasukkan ke dalam Nun kedua menyebabkan ia menjadi (تَأْمَنَّا).

Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 131



Contoh : Surah Al-Baqarah (2) Ayat 200



Mithlan Mutlaq (المثلان المطلق).

Huruf awal berbaris hidup dan huruf yang kedua berbaris Sukun (mati). Ia dinamakan Mutlaq kerana tidak terikat dengan Saghir (kecil) dan Kabir (besar). Hukumnya wajib diizharkan (dinyatakan) di sisi Ahli Qiraat.

Contoh : Surah Al-Baqarah (20 Ayat 106)



Contoh : Surah Al-Baqarah (20 Ayat 209)




Mutaqariban (المتقاربان).

Dua huruf yang makhraj dan sifatnya berdekatan atau makhraj sahaja atau sifat sahaja yang berdekatan.


Mutaqariban Saghir (المتقاربان الصغير).

Huruf awal berbaris Sukun (mati) dan huruf kedua berbaris hidup. Ia dinamakan kecil kerana huruf awalnya berbaris Sukun (mati) dan huruf keduanya berbaris hidup. Hukumnya: Diizharkan (dinyatakan) mengikut pendapat Hafs dan ahli Qiraat selain daripadanya. Walau bagaimanapun huruf Lam dan Ra' wajib diidghamkan (dimasukkan) berdasarkan kata sepakat Ahli Qiraat. Contohnya: (بل رفعه الله - قل رب) kecuali pada (بل ران) di mana hukumnya adalah Izhar (nyata) kerana mengikut riwayat Hafs terdapat Saktah iaitu diam seketika (berhenti tanpa mengambil nafas) yang menghalang dari Idgham (dimasukkan).

Contoh : Surah Al-Anfaal (8) Ayat 48



Contoh : Surah Al-Ahzaab (33) Ayat 10




Mutaqariban Kabir (المتقاربان الكبير).


Dua huruf yang berbaris dan ia dinamakan Kabir (besar) adalah disebabkan ia banyak didapati dan baris hidup lebih banyak dari baris Sukun (mati).

Hukumnya ialah wajib Izhar.

Contoh : Surah Yusuf (12) Ayat 33



Contoh : Surah Al-Israa' (17) Ayat 42




Mutaqariban Mutlaq (المتقاربان المطلق).


Huruf awal berbaris hidup dan huruf kedua berbaris Sukun (mati). Ia dinamakan Mutlaq kerana tidak terikat dengan Saghir (kecil) atau Kabir (besar).

Hukumnya wajib Izhar (dinyatakan).

Contoh : Surah Yusuf (12) Ayat 10



Contoh : Surah Ghaafir (40) Ayat 61



Mutajanisan (المتجانسان).


Dua huruf yang sama makhraj dan berlainan sifat kedua-duanya seperti huruf Dal dan Ta' (ت).

Mutajanisan Saghir (المتجانسان الصغير).

Huruf pertama berbaris Sukun (mati) dan huruf kedua berbaris hidup. Ia dinamakan kecil kerana huruf awal berbaris Sukun (mati) dan huruf kedua berbaris hidup. Hukumnya: Izhar (dinyatakan) kecuali pada enam tempat yang perlu diidghamkan (dimasukkan) iaitu:

- 1- Huruf Ba' (ب) selepasnya huruf Mim (م) di dalam ayat (اركب معنا).
- 2- Huruf Ta' (ت) selepasnya huruf Dal (د) contohnya: (أتقلت دعوا).
- 3- Huruf Ta' (ت) selepasnya huruf Ta' (ط) contohnya: (إذ همت طائفتان).
- 4- Huruf Tha' (ث) selepasnya huruf Zal (ذ) contohnya: (يلهث ذلك).
- 5- Huruf Dal (د) selepasnya huruf Ta' (ت) contohnya: (ومهدت).
- 6- Huruf Zal (ذ) selepasnya huruf Dza (ظ) contohnya: (إذ ظلمتم), manakala Huruf Ta' (ط) yang terdapat selepasnya huruf Ta' (ت) contohnya: (أحطت), hukumnya adalah Idgham Naqis dengan sepakat Ahli Qiraat.

Contoh : Surah Al-Hijr (15) Ayat 7




Contoh : Surah Ar-Ruum (30) Ayat 47




Mutajanisan Kabir (المتجانسان الكبير).

Dua huruf yang berbaris, ia dinamakan demikian kerana banyak didapati di dalam bacaan begitu juga kerana huruf yang berbaris hidup lebih banyak dari yang berbaris Sukun (mati). Hukumnya wajib Izhar.

Contoh : Surah A-li 'Imraan (3) Ayat 7



Contoh : Surah Al-An'aam (6) Ayat 95




Contoh : Surah Hud (11) Ayat 114



Mutajanisan Mutlaq (المتجانسان المطلق).

Huruf pertama berbaris hidup dan huruf kedua berbaris Sukun (mati). a dinamakan demikian kerana tidak terikat dengan Saghir (kecil) atau Kabir (besar).

Contoh : Surah Yunus (10) Ayat 106



Contoh : Surah Luqman (31) Ayat 34



Contoh : Surah Al-Qamar (54) Ayat 46

